

**PENAFIAN PERLANTIKAN AGEN MENGURUSKAN
PERMOHONAN INSENTIF RM 30,000.00 DIBAWAH
PROGRAM MYHOME KEPADA PEMBELI RUMAH SKIM
MYHOME**

Putrajaya 24 November - Jabatan Perumahan Negara pada masa kini tidak pernah melantik sebarang syarikat atau koperasi atau orang perseorangan dalam menguruskan permohonan bagi sebarang aktiviti-aktiviti di bawah jabatan ini seperti pemberian insentif RM 30,000.00 di bawah Skim MyHome kepada pembeli-pembeli rumah. Sehubungan dengan itu pihak Jabatan Perumahan Negara menyarankan agar pembeli berminat membuat permohonan secara terus melalui borang MyHome yang boleh dimuat-turun di laman web JPN, atau memohon secara atas talian (online) melalui laman web <http://myhome.kpkt.gov.my>, manakala bagi pemaju atau syarikat yang berkelayakkan boleh memuat-turun borang pemaju di laman web berkenaan.

Sehubungan itu, Jabatan ini ingin menasihati kepada orang ramai untuk berhati-hati dan melaporkan kepada pihak polis sekiranya terdapat maklumat yang berunsurkan penipuan. Pembeli-Pembeli hendaklah berhati-hati dengan iklan-iklan yang dibuat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya terdapat sebarang keraguan atau pertanyaan, pembeli yang berminat bolehlah berhubung terus dengan Unit MyHome, Jabatan Perumahan Negara di talian berikut :-

Talian MyHome : i) 03-88914311/4312
 ii) 03-88914315/4316
Alamat Email : myhome@kpkt.gov.my

**Ketua Pengarah
Jabatan Perumahan Negara
24 November 2014**